



IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN RAJA LAUT,  
50609 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2691 5377  
03-2692 6011  
03-2691 5111

A1 CONSULTANCY &  
INTEGRATED SERVICES S/B  
No 4-2, Jln Mutiara Melaka 2,  
Mutiara Melaka,  
Batu Berendam,  
75350 Melaka  
(Attn:Azman B. Abdul Jalil)

Bil MARA: BPU02/15/02-04  
Tarikh: 02 Januari 2008

Tuan/Puan,

**SKIM KHIDMAT PAKAR PERUNDING MARA**  
**Pendaftaran Sebagai Panel Perunding Perniagaan**  
**Bidang Skop Perundingan: Industri Farmasi**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa MARA telah bersetuju menerima syarikat tuan/puan sebagai Panel Pakarunding Bahagian Pembangunan Usahawan untuk memberikan khidmat perunding/kursus di bawah tajuk/skop di atas kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana Bumiputera.

2. Pihak tuan/syarikat akan dihubungi apabila perkhidmatan kepakaran diperlukan kelak. Perlantikan rasmi akan dibuat bagi setiap khidmat perunding/kursus melalui surat tawaran, sama ada oleh pejabat ini atau Pengarah-Pengarah MARA Negeri atau yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Jenis perkhidmatan, syarat, kadar bayaran sesuatu projek/kursus akan ditetapkan melalui surat tawaran tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, tempoh perlantikan ini sah untuk tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa dari tarikh surat perlantikan ini dikeluarkan. Pihak tuan/syarikat boleh memohon secara bertulis kepada MARA untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa perlantikan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh tersebut.
4. Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan perlantikan ini, sila lengkapkan dan tandatangani surat pengesahan penerimaan perlantikan berkembar dan kembalikan bersama satu (1) salinan surat perlantikan ini kepada kami dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini.
5. Sukacita juga kami menarik perhatian tuan/syarikat bahawa MARA berhak membatalkan perlantikan ini pada bila-bila masa atas apa-apa sebab sekalipun.

Sekian, Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”

**MOHAMAD BIN SAMION**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Pembangunan Usahawan  
MARA